

Prasarana Malaysia Berhad (“Prasarana”) adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan bagi melancarkan, melaksanakan dan mempercepatkan projek infrastruktur awam yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Prasarana dan anak-anak syarikatnya adalah pemilik asset dan pengendali perkhidmatan LRT Laluan Ampang, Laluan Sri Petaling, Laluan Kelana Jaya, KL Monorail dan rangkaian bas di Lembah Klang, Pulau Pinang, Kuantan, Kamunting dan Manjung serta perkhidmatan Bas Rapid Transit (“BRT”) Laluan Sunway. Prasarana juga adalah pengendali perkhidmatan Mass Rapid Transit (“MRT”) Laluan Sungai Buloh-Kajang (“SBK”).

KENYATAAN SEBUT HARGA

TAJUK DAN NO. SEBUT HARGA	KELAYAKAN & PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH MULA PENJUALAN DOKUMEN TENDER	HARGA DOKUMEN TENDER & BUTIRAN PEMBAYARAN	TEMPAT SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER
<p>“SUPPLY, DELIVER, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING, WARRANTY, SUPPORT AND MAINTENANCE FOR ENTERPRISE MANAGEMENT SYSTEM SOLUTION FOR PRASARANA MALAYSIA BERHAD</p> <p>PRASARANA/GPD/ COR(S)/Q042/2019</p>	<p>1. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod 210104; ATAU</p> <p>2. Berstatus Syarikat MSC Malaysia.</p>	<p>Jabatan Perolehan Kumpulan, Prasarana Malaysia Berhad, Tingkat 3, Kompleks Rapid Rail Subang, No.1 Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>14 Jun 2019 (Jumaat)</p> <p>hingga</p> <p>21 Jun 2019 (Jumaat)</p> <p>dari jam</p> <p>9.00 pagi hingga 5.00 petang</p> <p>Pada waktu pejabat (kecuali Cuti Umum, Sabtu & Ahad)</p>	<p>RM300.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sahaja) (tidak dipulangkan)</p> <p>dalam bentuk</p> <p>‘Bank Draft’ atau ‘Banker’s Cheque’</p> <p>pembayaran kepada</p> <p>Prasarana Malaysia Berhad</p>	<p>Jabatan Perolehan Kumpulan, Prasarana Malaysia Berhad, Tingkat 3, Kompleks Rapid Rail Subang, No.1 Jalan PJU 1A/46, Off Jalan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan</p> <p>pada</p> <p>4 Julai 2019 (Khamis)</p> <p>sebelum</p> <p>12.00 tengah hari</p>

1. Pembida yang berminat adalah dipelawa untuk menyertai sebut harga di atas dan mesti memenuhi syarat-syarat **WAJIB** seperti yang diperincikan dalam jadual di atas, yang masih sah dan dibenarkan membuat tawaran pada masa ini.
2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada wakil pembida yang sah (“*bona fide*”). Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil pembida **DIWAJIBKAN** membawa **surat pengesahan** sebagai wakil dari petender bersama **salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (Sijil Virtual) dan salinan sijil berstatus Syarikat MSC yang Telah Disahkan (“Certified True Copy”)** oleh **Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A** bagi mengesahkan kelayakan pembida.
3. Pembida diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
4. Sebarang pertanyaan mengenai Sebut Harga di atas boleh diajukan kepada Jabatan Perolehan Kumpulan, Prasarana di talian 603-7650 7788 sambungan 1521 dan 1542 atau email kepada farah@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai iklan ini atau profil Kumpulan Prasarana boleh dilayari di laman web kami www.myrapid.com.my